

BAB III

STRUKTUR PENTADBIRAN UNDANG-UNDANG ISLAM

PAHANG (II)

I) Khas: Jabatan Agama dan Adat Melayu Pahang

Jabatan ini dibiayai dan tertakluk dibawah kerajaan Pahang. Oleh demikian ia mempunyai taraf yang sama dengan lain-lain Jabatan. Dari segi organisasi ianya sama seperti Majlis Agama Islam. Kadangkala terdapat kekeliruan pandangan masyarakat terhadap fungsi-fungsi dengan Majlis. Umpamanya Pejabat Mufti, Kadi, Pendaftaran Nikah dan Cerai, Zakat dan Fitrah, Pejabat Baitul-Mal, Wakaf dan lain-lain lagi.¹ Pada dasarnya, Jabatan ini terbahagi kepada empat bahagian iaitu Pentadbiran, Mahkamah Syariah, Penerangan dan Pelajaran. Cuma bahagian Pentadbiran dan Mahkamah Syariah sahaja dibincangkan untuk menyesuaikan dengan dasar sebenar tajuk ini.

II) Ketua Jabatan Agama

Jawatan ini merupakan pilihan oleh kerajaan negeri menerusi 'Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri' dan mendapat persetujuan Duli Yang

1. Ketua Jabatan Agama, Minit no. (2)dlm.PU & A Phg, 271/5.

Maha Mulia Sultan untuk dilantik ke jawatan ini. Pilihan ini berdasarkan kepada kelayakan dan pengalaman sementara Duli Yang Maha Mulia Sultan memilih berdasarkan minat-minat mereka dilapangan keugamaan.

Ketua Jabatan Agama bertanggungjawab mengenai pentadbiran dan urusan Pejabat Agama, pengajaran agama di sekolah-sekolah dan di kampung-kampung beserta dengan empat pegawai lainnya.

- i) Bahagian Mahkamah Syariah, ianya diketuai oleh Kadi Besar dan Kadi Daerah untuk menyelesaikan perkara jenayah atau mal (civil) menurut Undang-undang Tadbir Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Pahang 1956.
- ii) Bahagian Penerangan diketuai oleh Pegawai Penerangan Ugama, Pemeriksa Halehwal Agama dan lain-lain pegawai peringkat daerah dan kampung.
- iii) Bahagian Pelajaran diketuai oleh Nazir Sekolah Agama (Bahasa Arab). Kerajaan, dengan dibantu oleh Guru-guru Pelawat Agama dan Guru-guru Agama.
- iv) Bahagian Mufti pula bertanggungjawab terhadap fatwa-fatwa apabila perlu dengan mengikut Mazhab Syafie dari qaul yang muktamad.²

2. Undang-undang Tadbir Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Pahang, 1956, seksyen 34(1).

Keempat-empat bahagian ini saling berhubungan antara satu sama lain. Setiap perkara yang hendak dijalankan haruslah mendapat pengesahan dari Ketua Jabatan Agama lebih dahulu.

III) Mufti Kerajaan Pahang

Jawatan ini telah mula diadakan sejak tahun 1941 lagi iaitu sebagai mengambil alih jawatan Kadi Besar yang bersara diwaktu itu. Jawatan ini disandang oleh Haji Abas b. Haji Mohd. Tahir dengan gaji cuma \$80 (lapan puluh) sebulan. Pada masa sekarang ia disandang oleh Haji Abu Bakar b. Mohd. Yasin.

Duli Yang Maha Mulia Sultan mempunyai kuasa ke atas perlantikan jawatan ini.³ Perlantikan berdasarkan kepada kelayakan dari berkebolehan di dalam bidang-bidang keugamaan dan juga apabila ada kekosongan jawatan.⁴ Mufti secara otomatis menjadi Ahli Majlis berdasarkan perjawatannya (ex officio). Oleh itu ia tidak tertakluk kepada seksyen 13, 15 dan 16 Undang-undang Tadbir Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Pahang 1956.

Seseorang Mufti itu dianggap sebagai ahli Agama yang tertinggi di dalam negeri. Justeru itu ia tidak terlibat sama sekali dalam pentadbiran

3. Ibid, seksyen 32(1).

4. Jawatan ini tetap dan berpencen.

Jabatan Agama. Kepentingannya cuma disegi mengeluarkan fatwa samada secara langsung ataupun melalui Majlis. Menurut pendapat Mohd. Suffian b. Hasyim, Mufti mengeluarkan fatwa bagi pihak kerajaan Negeri, Jabatan Agama dan Majlis.⁵ Pertanyaan-pertanyaan dari orang ramai juga dilayan tetapi hendaklah melalui saluran-saluran tertentu.

Mufti menjadi ahli jawatankuasa di dalam Jawatankuasa Ulang Bicara dan mengetuainya. Tugas ini hanyalah ujud apabila terdapat kes-kes yang diminta ulang bicara.⁶ Selain dari itu Mufti juga ditugaskan untuk menyediakan khutbah Jumaat iaitu sebagai membantu tugas Pegawai Penerangan Agama. Ia juga bertugas memberi syarahan-syarahan agama dan segala hal yang berkaitan dengan agama dimana-mana sahaja dalam masa lawatannya.

Jemaah Pangkuan Negeri merupakan suatu jawatan di luar bidang Jabatan Agama. Mufti adalah menjadi ahli di dalam jemaah ini. Jemaah ini mempunyai fungsi berhubung dengan hal-hal raja, adat-adat negeri, adat orang-orang besar, memilih Sultan dan orang besar negeri dan perkara-perkara yang bersabit dan adat-istiadat Melayu.

5. Mohd. Suffian Hashim, The Relationship between Islam & State in Malaya, dlm. Intisari - Jilid I, no.1, hal.15.

6. Ahmad Ibrahim, Islamic Law in Malaya, hal. 156.

IV) Fatwa

Undang-undang Tadbir Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu memperuntukkan lima seksyen pada bahagian ini. Fatwa merupakan tugas resmi seseorang Mufti.

Sesiapapun boleh memohon dengan bersurat kepada Yang di Pertua meminta Majlis mengeluarkan fatwa di atas apa-apa perkara Agama Islam atau nas. Apabila diterima permintaan demikian maka hendaklah Yang di Pertua menyerahkan kepada Setiausaha Jawatankuasa Syariah.⁷

Mufti akan menimbangkan tiap-tiap permintaan dan menyediakan rangka fatwa di atas pertanyaan itu kecuali jika perkara itu dianggap sebagai ringan sahaja. Mesyuarat diadakan jika perkara yang dipersoalkan itu besar. Jika ahli-ahli tidak sebulat suara maka masalah itu hendaklah dirojokkan kepada Majlis. Majlis juga dalam beberapa keadaan tertentu boleh menyambahkan masalah itu kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan bagi titahnya.

Majlis boleh pada bila-bila masa dengan kehendaknya sendiri mengeritikkan apa-apa fatwa atau keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Syariah.⁸

-
7. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Mufti beserta 4 orang ahli Majlis dan 4 bukan ahli Majlis.
 8. Undang-undang Tadbir U gama Islam dan Adat Istiadat Melayu Pahang, seksyen 33(ii).

Suatu masalaah hukum syarak yang berkehendakkan keputusan, dibuat oleh Mahkamah Awam, maka hendaklah dirojok kepada Majlis. Jawatan-kuasa Syariah akan memberi keputusan itu bagi pihak Majlis dan disampaikan keputusan itu oleh Majlis.

Di dalam mengeluarkan fatwa, beberapa perkara haruslah dipatuhi:

- i) Fatwa hendaklah mengikut Mazhab Syafie pada qaul yang muktamad.
- ii) Tidak bertentangan dengan peraturan dan adat-adat Melayu.
- iii) Fatwa yang ditetapkan oleh Majlis itu kemudiannya diistiharkan di dalam Warta Kerajaan (gazetkan).

Selain dari Mufti hanya orang-orang yang diberi kuasa sahaja yang boleh mengeluarkan fatwa.⁹ Mana-mana fatwa yang melibatkan seluruh umat Islam di Malaysia, maka perseoran itu akan dibawa kepada Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Agama Islam Malaysia di Kuala Lumpur.

9. Ibid, seksyen 167.

V) Kadi Besar dan Daerah

Jawatan Kadi Besar mula diadakan pada tahun 1964. Jawatan Kadi Daerah telah ada sebelum dari tahun itu lagi. Perlantikannya dibuat oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan dengan diberi surat kuasa, itupun setelah diadakan peperiksaan.¹⁰

Kedua-dua jawatan ini terletak dibawah Jabatan Agama sebagai pegawai kerjaan. Untuk menjadi Kadi Besar, perlantikannya berdasarkan kepada Kadi-Kadi Daerah yang terkanan sekali dan mempunyai pengalaman dan kebolehan dibidang itu.

Kadi Besar menjadi ketua kepada semua Kadi-Kadi Daerah. Ia bertanggungjawab terhadap perkara-perkara Kadi Daerah dan urusan Pejabat Kadi.

Ia menerima kenyataan-kenyataan, kes-kes jenayah dan mal yang dibicarakan di Kadi Daerah dan juga menyiapkan kenyataan bulanan, tahunan dan sabod-rekod untuk seluruh negeri Pahang. Di dalam masaalah nikah, cerai dan rujuk, ia sebagai pendaftar biasa sahaja. Ia tidak bertanggungjawab untuk mengumpulkan kenyataan-kenyataan nikah, cerai dan rujuk (ini dibuat oleh Pegawai Majlis).

10. JAP, Minit Bil.(18)dlm.J.U. Phg. 97/65.

Seperti juga lain-lain Pegawai Agama, Kadi Besar dalam lawatannya akan melihat perjalanan agama, masjid-masjid, surau-surau dan pegawai-pegawainya.

Di Pahang sahaja terdapat sepuluh (10) kawasan Kadi iaitu di Pekan, Kuantan, Rampin, Temerloh, Bentong, Raub, Kuala Lipis, Jerantut, Cameron Highland, Chenor dan Maran. Para Kadi Daerah diberi surat kuasa mengesahkan perlantikannya sebagai panduan dalam menjalankan tugas. Perlantikannya akan disiarkan di dalam Warta Kerajaan. Namun begitu perlantikannya itu boleh dibatalkan pada bila-bila masa juapun.

Kadi bertugas sebagai ketua ugama di daerahnya. Ia bertindak mengawas pegawai-pegawai agama seperti wali-wali hakim, amil, pegawai-pegawai masjid dan guru-guru ugama sukarela. Selain dari itu ia juga bertindak sebagai wakil Jabatan Agama. Pada keadaan biasa, ia bertindak sebagai hakim di dalam Mahkamah Syariah dalam perkara jenayah atas mal (civil). Kadi juga bertindak sebagai Pendaftar nikah, cerai dan rujuk serta menerima kenyataan bulanan dari wali-wali hakim. Ia bertanggungjawab dalam pengumpulan zakat dan fitrah dan menyerahkan kepada Majlis. Semasa sebarang lawatan dibuat, ia juga bertugas memberi penerangan hal-hal ugama dan sebagainya.

VI) Mahkamah Kadi/Syariah

Mahkamah ini terbahagi kepada dua iaitu (i) Mahkamah Kadi Besar (ii) Mahkamah Kadi Daerah. Duli Yang Maha Mulia Sultan boleh memubuhkan mahkamah ini dimana-mana juapun ataupun menghadkan kuasa mahkamah yang ada, dengan menyiarkan di dalam Warta Kerajaan.¹¹ Mahkamah Kadi Besar berkuasa ke atas seluruh negeri.

i) Mahkamah Kadi Besar

Mahkamah ini mempunyai kuasa membicarakan kesalahan-kesalahan jenayah orang-orang Islam menurut Undang-undang Tadbir Ugama Islam 1956. Di dalam perkara mal (civil), ia berhak mendengar keputusan-keputusan perbicaraan dan mengadakan perbicaraan hal-hal:

- a) Pertunangan, perkahwinan, cerai, kahwin tidak sah dan cerai oleh mahkamah.
- b) Perselisihan dalam tuntutan harta.
- c) Nafkah, anak-anak yang halal, pemeliharaan anak-anak.

11. Ibid, seksyen 36(1) & (2).

- d) Tuntutan harta sepencarian.
- e) Ketetapan harta dan orang-orang yang berhak mendapatnya.
- f) Wasiat.
- g) Pemberian tanpa balasan.
- h) Wakaf, nazar.
- i) Lain-lain hal yang diberi oleh undang-undang bertulis.

Mahkamah Kadi Besar tidak membicarakan ataupun mendengar apa-apa kes dibawah kuasa Mahkamah Kadi Daerah. Oleh itu ia berfungsi sebagai mahkamah rayuan sahaja dalam perkara ini.

ii) Mahkamah Kadi Daerah

Mahkamah Kadi Daerah mempunyai kuasa membicarakan dibidang jenayah pada kesalahan-kesalahan yang tidak melebihi daripada satu bulan penjara atau denda \$200.00 ataupun kedua-duanya sekali. Di dalam perkara mal (civil) tidak melebihi hal-hal yang dihargakan \$1,000.00 atau perkara-perkara yang tidak dapat dihargakan.¹² Menurut Seksyen 37(b) dalam Undang-

12. Op-cit., seksyen 37.

undang Tadbir Ugama Islam, 1956, apabila berlaku perselisihan keputusan dengan Mahkamah Awam, maka keputusan dari Mahkamah Awam hendaklah terpakai.

Kadi Besar dan Kadi Daerah mempunyai cap mohor tersendiri yang disahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan. Setiap surat dicap dan ditandatangani olehnya. Bahasa Mahkamah ialah Bahasa Melayu oleh itu segala urusan dibuat dalam Bahasa Melayu dengan menggunakan tulisan rumi ataupun jawi. Setiap mahkamah dimestikan menyimpan rekod-rekod perbicaraan dengan betul. Begitu juga dengan soal-soal kewangan yang bersangkutan.

Seseorang peguam dibenarkan hadir dalam mana-mana perbicaraan dengan syarat hendaklah bercakap dalam bahasa mahkamah ataupun dengan penggunaan jurubahasa yang disediakan.

Kadi Besar boleh mengadakan perbicaraan di mana-mana sahaja bersama-sama Pegawai Pendakwa Mahkamah Syariah, walaupun tempat sebenarnya di Pekan, Pahang.

VII) Nikah, Cerai dan Rujuk

Sebanyak 21 seksyen telah diperuntukan pada hal-hal ini.

Para Kadi menjadi Pendaftar Perkahwinan di daerah masing-masing. Disamping itu terdapat juga pembantu-pembantunya diperingkat mukim atau

kampong sebagai wali hakim (dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan).¹³

Para Wali Hakim bertugas sebagai pendaftar nikah, cerai, talak dan rujuk. Oleh itu buku Daftar Nikah dan Cerai disimpan olehnya dan menghantar kenyataan bulanan dan tahunan kepada Kadi Daerah. Ia juga bertindak sebagai Wali-Raja untuk perempuan-perempuan yang tidak mempunyai wali sendiri dalam melangsungkan perkahwinannya.

Sebagai menjadi panduan untuk para wali-wali hakim, ini telah diberikan "Panduan Nikah, Cerai dan Rujuk" sebagai bahan rujukan dalam menjalankan kerja-kerjanya. Umpamanya sebagai penentuan pihak-pihak yang berhak dari ikatan perkahwinan sebelumnya seperti perempuan itu bukan isteri orang, telah habis eddah, bukan cerai talak tiga (3), kebenaran wali untuk para gadis dan perkahwinan lain yang tidak lebih dari 56 batu dari kawasannya. Walaubagaimanapun biasanya di dalam kes-kes perkahwinan lari diserahkan kepada pihak Kadi untuk menyelesainya kerana ia melibatkan banyak perkara samada pada segi bidangkuasa ataupun corak penyelesaiannya.

Pegawai Pendaftar cuma bertindak sebagai pengarah sahaja dalam perkara 'rujuk', dengan berpandukan kepada "Sijil Pendaftaran Cerai" mereka. Kemudian dicatitkan;

13. Ibid, seksyen 116.

"Telah disahkan rujuknya pada ..."

Pengesahan ini dihantar balik pada Wali Hakim atau Kadi untuk mengeluarkan 'Surat Pengesahan'.

"Sijil Pendaftaran Nikah" atau Sijil Pendaftaran Cerai" dikeluarkan oleh Wali-wali Hakim dan Kadi setelah dibayar \$4.00. 'Sijil Pendaftaran Cerai' itu menjadi penting kepada pihak perempuan lebih-lebih lagi apabila ia hendak berkahwin lagi sekali.¹⁴

Pada masa kini persoalan poligami sering menjadi laungan kepada pihak-pihak wanita dalam perjuangan mereka. Ia menjadi salah satu sebab kenapa perceraian sering berlaku. Undang-undang yang terpakai di masa ini sedikit tidak menyentuh hal ini jika dibandingkan dengan undang-undang di-negeri lain dalam Malaysia.¹⁵ Kadi Besar Pahang dalam mempersoalkan hal ini berpendapat, perkara poligami tidak boleh disekat. Apa yang boleh dibuat ialah mengetatkan lagi peraturan-peraturan untuk para suami yang ingin berkahwin lagi. Telah dicuba pada tahun 1968 meminda dan memperuntukkan perkara ini dalam rangka Undang-undang Pentadbiran Ugama Islam, 1968 yang berbunyi;

14. Ibid, seksyen 121.

15. Undang-undang Pentadbiran Ugama Islam, Perak, 1965.

Seksyen 65(11)

"Seseorang yang telah ada isteri dan hendak berkahwin lagi satu atau lebih hendaklah membuat permohonan kepada Kadi kawasanya dengan memberi butir-butir kenyataan dan sebab-sebab hendak berkahwin itu sebagaimana dalam borang E Jadual 1... Begitu juga beliau mengsyorkan supaya ditambahkan lagi lafaz taklik"¹⁶

"Tiap kali saya rujukkan isteri saya dengan tidak persetujuannya maka jatuh Talak satu lagi."

JADUAL 4

NIKAH DAN CERAI MENGIKUT DAERAH - 1973

Daerah	Nikah	Cerai
Pekan	319	93
Rompin	229	43
Kuantan	591	269
Chenor	259	83
Temerloh	576	182
Jerantut	225	75
Lipis	301	75
Raub	264	87
Bentong	179	36
Cameron Highland	9	2
Jumlah	2,952	945

Sumber: Maklumat Penting, Jabatan Agama Pahang, 1976.

Memandangkan kepada data-data nikah dan cerai tahun 1973 itu beberapa kesimpulan boleh didapati ke atas sebab-sebab nikah dan cerai itu:

- i) Sikap para ibubapa terhadap perkahwinan anaknya. Ini lebih dikenali sebagai kahwin paksa. Dalam keadaan sekarang adakah faktor-faktor ini boleh dijadikan satu alasan?

- ii) Campurtangan mertua atau ipar dalam masalah rumahtangga. Dalam jadual di atas didapati peratus sebab-sebab ini melebihi dari faktor sebab-sebab lainnya iaitu 22%.

- iii) Tiada ketegasan dalam mengawal perceraian menurut undang-undang yang ada. 18% punca-punca perceraian adalah dari sebab ini. Persoalannya adakah Undang-undang Tadbir Ugama Islam 1956 itu perlu diubah atau membiarkan berkeadaan seperti lama?

- iv) Apabila melihat jadual 2(iii), dilihat pertambahan cerai yang bertambah dari setahun ke setahun sepuluh (10 tahun itu). Di-waktu-waktu ini kedatangan penduduk-penduduk luar dari Pahang, menambahkan lagi keadaan ini. Pertambahan ini dikomplekkan lagi oleh perubahan ekonomi dan sosial yang sering meningkat!

16. Lihat Lampiran III(a). Borang memohon kahwin lebih dari satu.

JADUAL 5

SEBAB-SEBAB PENCERAIAN DI PAHANG

Bil.	Sebab-Sebab Perceraian	Peratus
1.	Kemudahan-mendapat perceraian di kampung-kampung.	18%
2.	Campurtangan mertua/ipar dalam masaalah rumahtangga.	22%
3.	a) Suami muda dan kurang sabar. b) Isteri muda dan kurang sabar.	6% 7%
4.	a) Suami kurang bertanggungjawab jalankan tugasnya. b) Isteri kurang bertanggungjawab jalankan tugasnya .	19% 16%
5.	a) Suami boros. b) Isteri boros. c) pendapatan yang tidak mencukupi.	5% 4%
6.	Kedudukan isteri yang punya mata pencarian sendiri	

Sumber: Kementerian Kebajikan Am (Bahagian Khidmat Nasihat dan Kesejahteraan Keluarga), Kuala Lumpur.

JADUAL 6

NIKAH DAN CERAI DI PAHANG

Tahun	Nikah	Cerai
1965	2139	1084
1966	2048	946
1967	2090	1010
1968	1813	908
1969	2255	947
1970	2449	1024
1971	2602	923
1972	2648	717
1973	2952	945
1974	833	212
1975*	1067	372

Sumber: Maklumat Penting, Jabatan Agama Islam
Pahang, 1976

*Catitan: Hingga bulan Jun, 1975 sahaja.

VIII) Muallaf

Muallaf ialah orang yang bukan Islam, memeluk agama Islam menurut peraturan-peraturannya yang tertentu seperti menyebut dua kalimah shahadat dan sebagainya.

Kebanyakan daripada rekod-rekod mengenai muallaf ini mencatatkan mereka-mereka yang berumur enam belas (16) tahun lebih. Ini disebabkan anak-anak muallaf ini menjadi Islam secara otomatis apabila kedua orang tuanya beragama Islam.

Orang-orang yang ingin memeluk Islam hendaklah pergi berjumpa Kadi. Kadi membuat siasatan tentang tujuan berbuat demikian. Selesai upacara-upacara mengucap mereka dikehendaki bersumpah dihadapan pengadilan. Akhirnya baharulah didaftarkan oleh Majlis dan diberi surat Akuan Memeluk Agama Islam dan mendapat saguhati \$90/- tiap-tiap seorang dewasa dan \$45/- kanak-kanak. Wang bantuan ini diberi melalui Kadi Daerah. Bantuan diberi dengan tujuan supaya mereka-mereka itu belajar hal-hal U gama Islam.

Menurut pendapat Pegawai Zakat, Pahang, Bantuan yang diberi itu tidaklah berkesan. Usaha-usaha seperti yang dibuat oleh PERKIM misalnya sepatutnya diikuti.

IX) Pegawai Pendakwa Mahkamah Syariah

Jawatan ini mula diwujudkan pada tahun 1968 dibawah Jabatan Agama. Ia bertanggungjawab pada Ketua Jabatan Agama dan hal-hal perbicaraan di-mahkamah. Antara lain tugasnya:

- i) Menyusun perjalanan mahkamah.
- ii) Menerima laporan dan aduan mengenai melanggar kesalahan-kesalahan di dalam Undang-undang Tadbir Ugama Islam, 1956.
- iii) Menyediakan surat pinta keluar saman dan lain-lain yang berhubung dengan perbicaraan.
- iv) Hadir dalam perbicaraan apabila diminta oleh Kadi Daerah.
- v) Melaporkan keputusan perbicaraan mengenai kes-kes yang didakwanya pada Ketua Jabatan Agama.

Setiap aduan daripada Kadi Daerah dihantar kepada Ketua Jabatan Agama atau Pendakwa untuk disemak samada jelas atau belum. Jika jelas kes itu, ia akan dikemukakan kepada Kadi Besar untuk tetapkan tarikh. Jika belum maka saman atau waran tangkap akan dikeluarkan.

Jika yang dituduh tidak mengaku bersalah maka diadakan perbincaraan lain. Diperingkat ini saksi-saksi akan dipanggil untuk disoal. Yang dituduh dibenarkan menyoal saksi-saksi itu, begitu juga dipihak pendakwa. Hakim boleh menyoal jika terdapat apa-apa keraguan. Akhirnya baharulah dibuat keputusan.

Pihak yang dituduh boleh membela diri dengan tiga cara:

- i) Memberi keterangan dengan bersumpah. Ia boleh disoal oleh pendakwa.
- ii) Memberi penerangan tanpa bersumpah. Hanya Hakim sahaja yang berhak menyoal itupun pada soal-soal yang tidak jelas.
- iii) Mendiamkan diri sahaja. Dalam keadaan ini ia mestilah berdiamkan diri dan tidak boleh mengemukakan sebarang jawapan atau keterangan.

Dalam keadaan ini Hakim dan Pendakwa tidak boleh menyoal. Sealan-soalan cuma dikemukakan kepada saksi-saksi sahaja.

Mengenai keterangan saksi pihak yang dituduh juga dibenarkan. Ia boleh disoal oleh yang dituduh, disoal oleh Pendakwa dan soal balas oleh yang dituduh. Hakim boleh menyoalnya pada bila-bila masa sahaja.

Di akhir perbicaraan Hakim akan pertimbangkan keraguan-keraguan yang ujud. Hukuman dijatuhkan pada pertimbangan yang tidak mendatangkan keraguan sahaja. Walaubagaimanapun pihak yang tidak puashati boleh buat rayuan atas keputusan yang tidak memuaskan hatinya ke Mahkamah Kadi Besar.

X.) Perbicaraan

a) Saksi-Saksi

Di dalam perbicaraan, pihak-pihak dibenarkan membawa saksi-saksi sendiri. Seorang saksi tiada mencukupi untuk membuktikan sebarang fakta-fakta. Misalnya dalam perkara zina, empat orang saksi diperlukan. Mengenai tuntutan harta atau apa-apa yang bersabit dengan 'real property' seperti konterek dan sebagainya memerlukan dua orang saksi lelaki sahaja atau seorang lelaki dan dua orang perempuan.¹⁷

Mahkamah akan menurut syarat-syarat Hukum Syarak berkenaan dengan saksi-saksi itu dan bilangan serta tarafnya. Mahkamah harus mempertimbangkan juga undang-undang lain di negeri itu dan pemakaian dasar-dasarnya.

17. Nawawi, Minhaj-at-Tahibin, hl. 517-518. Abdul Rahim, Principles of Muhammadan dari Jurispundence (Madras) 1911, hal.364.
Ahmad Ibrahim, Islamic Law in Malaya, hal. 367-374.

Di akhir perbicaraan Hakim akan pertimbangkan keraguan-keraguan yang ujud. Hukuman dijatuhkan pada pertimbangan yang tidak mendatangkan keraguan sahaja. Walaubagaimanapun pihak yang tidak puashati boleh buat rayuan atas keputusan yang tidak memuaskan hatinya ke Mahkamah Kadi Besar.

X) Perbicaraan

a) Saksi-Saksi

Di dalam perbicaraan, pihak-pihak dibenarkan membawa saksi-saksi sendiri. Seorang saksi tiada mencukupi untuk membuktikan sebarang fakta-fakta. Misalnya dalam perkara zina, empat orang saksi diperlukan. Mengenai tuntutan harta atau apa-apa yang bersabit dengan 'real property' seperti konterek dan sebagainya memerlukan dua orang saksi lelaki sahaja atau seorang lelaki dan dua orang perempuan.¹⁷

Mahkamah akan menurut syarat-syarat Hukum Syarak berkenaan dengan saksi-saksi itu dan bilangan serta tarafnya. Mahkamah harus mempertimbangkan juga undang-undang lain di negeri itu dan pemakaian dasar-dasarnya.

17. Nawawi, Minhaj-at-Tahibin, hl. 517-518. Abdul Rahim, Principles of Muhammadan dari Jurispudence (Madras) 1911, hal.364.
Ahmad Ibrahim, Islamic Law in Malaya, hal. 367-374.

Mahkamah juga dibenarkan membuat pekerjaan mengangkat sumpah iaitu pada cara yang diwajibkan kepada orang-orang Islam. Atas sebab-sebab khas, keperluan ini boleh diketepikan. Sumpahnya berbunyi:

"Saya(nama) dengan sesungguhnya bersumpah bahawa keterangan yang saya akan berkata benar, semuanya tiada tidak benar melainkan benar belaka." ¹⁸

Sekiranya mahkamah berpendapat saksi-saksi dengan sengaja memberi keterangan bohong, mahkamah boleh mengadu kepada Pendakwa Raya atau menurut fasal dalam Undang-undang Mengangkat Sumpah 1949. Saman boleh dihantar kepada sesiapa untuk memberi keterangan atau memberi apa-apa surat dalam simpanannya. Namun begitu tertakluk juga kepada syarat undang-undang lain. Saman dihantar sendiri kepadanya tidak kira samada Islam atau tidak. ¹⁹

b) Perbicaraan Sibil (Mal) ²⁰

Tuntutan bertulis atau lisan dibuat di Mahkamah Kadi Besar atau Mahkamah Kadi, kepada pegawai-pegawai berkenaan. Tuntutan itu mengandungi nama, alamat dan hal-hal tuntutan serta dengan bayaran-bayaran tertentu (jika ada).

18. Undang-undang Tadbir Ugama Islam, 1956, seksyen 46.

19. Ibid, seksyen 47.

20. Ibid, seksyen 69-79.

Tuntutan atau kena tuntutan boleh dibuat samada cara perseorangan atau sekumpulan yang salah disatukan. Mahkamah pula boleh mengadakan perbicaraan secara berasingan ataupun membicarakan sekaligus tuntutan itu jika bersabit dengan undang-undang atau hal yang sama.

Si menuntut hendaklah menyerahkan kepada Mahkamah satu salinan tuntutan itu kepada orang yang kena tuntutan. Mahkamah akan mengeluarkan saman kepada pihak kena tuntutan dan diminta hadir menjawab tuntutan pada tarikh dan masa yang ditetapkan, sebagai amaran, mahkamah akan menyerahkan hukuman dan membenarkan tuntutan jika si kena tuntutan tidak hadir.

Orang-orang seperti ini tidak perlu hadir ke Mahkamah jika keadaannya:

- i) Jika dalam tuntutan harta atau harta amanah, kecuali pemegang amanah atau pemegang kuasa harta itu.
- ii) Jika pihak dalam tuntutan itu belum cukup umur atau tiada sempurna akal, namun begitu Mahkamah boleh melantik pihak yang tiada bertentangan faedah dengan mereka sebagai wakilnya.

Orang yang kena tuntutan boleh juga memberi keterangan bertulis dan menyerahkan salinan keterangan itu menerusi mahkamah kepada orang yang menuntut. Jika pada masa hadirnya dihadapan mahkamah ia bercadang hendak menjawab tuntutan, walaupun diwaktu itu ia tidak memberi jawapan keterangan,

maka mahkamah hendaklah menentukan dengan percakapan sebab-sebab menjawab tuntutan. Ia tidak boleh mengemukakan lain-lain sebab tuntutan tanpa izin mahkamah. Kalau ia hendak memberi jawapan atas tuntutan itu, maka ditetapkan masa tujuh hari sebelum perbicaraan itu. Sekiranya yang dituntut ingin membangkitkan perkara-perkara tuntutan berlawanan, mahkamah boleh membenarkannya dan memulakan satu perbicaraan lain.

Perintah sementara boleh dikeluarkan oleh mahkamah atau permintaan mana-mana pihak atas sebab-sebab:

- i) Menyelamatkan harta yang dibicarakan.
- ii) Melindungi hak pihak-pihak.
- iii) Memudahkan perbicaraan untuk membetulkan kesilapan-kesilapan.

Pihak menuntut boleh menarik balik mana-mana perbicaraan pada bila-bila masa juaupun sebelum hukuman dijatuhkan. Pihak-pihak juga boleh berdamai dan berselesai perbicaraan bila-bila masa jua.

Perbicaraan boleh dibung jika pihak menuntut tidak hadir. Mahkamah boleh memberi keputusan jika pihak menuntut hadir walaupun kena tuntutan tidak hadir. Mahkamah boleh juga:

- i) Mahkamah atas timbangannya sendiri boleh memerintahkan perbicaraan ditangguhkan.
- ii) Mahkamah boleh membicarakan perkara balas tuntutan.
- iii) Mahkamah boleh beri keputusan tanpa mendengar keterangan jika kena tuntutan hadir dan mengaku tuntutan itu.
- iv) Tiap-tiap pihak boleh bercakap kepada mahkamah, memberi keterangan dan memanggil saksi-saksinya. Pihak-pihak ini ini berhak mengulas perkaranya. Kebiasaannya pihak yang memulakan berhak untuk diberi mengulas. Mahkamah akan beri keputusan dalam mahkamah terbuka samada dengan serta-merta atau dimasa lain.

Tiap-tiap keputusan akan disimpan. Mana-mana pihak berhak mendapat salinannya setelah dibayar sejumlah wang yang tertentu. Tiap-tiap hukuman mempunyai kuasa memerintahkan mana-mana pihak membuat apa-apa atau perkara termasuklah membayar wang atau kedua-duanya sekali.

Mahkamah boleh menghantar salinan hukuman dan perintah, samada atas permintaan pihak-pihak yang berhak dalam hukuman itu ataupun atas kehendak mahkamah sendiri, kepada Mahkamah Majistret bersama-sama dengan permohonan supaya perintah itu dijalankan. Tertanggung kepada Mahkamah

Majistrate untuk menjalankan pula. Hukuman akan berpindah ke mahkamah yang lebih tinggi lagi jika terdapat perkara-perkara di luar bidang-kuasa mahkamah-mahkamah yang membicarakannya.

Mahkamah Kadi Besar pula mempunyai kuasa menjalankan hukuman atau perintahnya sendiri menurut Order 21, 22 dan 24, Peraturan Mahkamah Rendah 1950 (Subordinate Court Rule 1950). Namun begitu ia tidak boleh menjalankan hukuman atau perintah pada harta-harta tidak beralih (immovable property) kecuali melalui seorang Pegawai Rendah.

c) Jenayah

Di dalam perbicaraan awal hakim-hakim akan meneliti tuduhan samada mengaku salah atau tidak. Pendakwa bertindak untuk menjelaskan sabitan-sabitan itu. Sebelum dijatuhkan hukuman hakim memberi kebenaran rayuan kepada pendakwa ataupun yang dituduh. Baharulah dijatuhkan hukuman ataupun dibuat penangguhan.

Jika yang dituduh tidak mengaku salah maka diadakan perbicaraan lain. Diperingkat ini saksi-saksi akan dipanggil untuk disoal, yang dituduh dibenarkan menyoal saksi-saksi itu, begitu juga dipihak pendakwa. Hakim boleh menyoal jika terdapat apa-apa keraguan. Akhirnya baharulah dibuat keputusan.

Pihak yang dituduh boleh membela diri dengan tiga cara:

- i) Memberi keterangan dengan bersumpah. Ia boleh disoal oleh pendakwa.
- ii) Memberi penerangan tanpa bersumpah. Hanya hakim sahaja yang berhak menyoal, itupun pada soal-soal yang tidak jelas.
- iii) Mendiamkan diri sahaja.

Dalam keadaan ini hakim dan pendakwa tidak boleh menyoal. Soalan cuma dikemukakan kepada saksi-saksi sahaja.

Mengenai keterangan saksi pihak yang dituduh juga dibenarkan. Ia boleh disoal oleh yang dituduh, disoal oleh pendakwa dan disoal balas oleh yang dituduh. Hakim boleh menyoalnya pada bila-bila masa sahaja.

Di akhir perbicaraan hakim akan pertimbangkan keraguan-keraguan yang ujud. Hukuman dijatuhkan pada pertimbangan yang tidak menandatangani keraguan sahaja. Walaubagaimanapun pihak-pihak yang tidak puas hati boleh membuat rayuan atas keputusan yang tidak memuaskan hatinya.

XI) Mahkamah Ulang Bicara

Mahkamah ini diwujudkan atas alasan jika didapati keputusan-keputusan

yang tidak memuaskan pihak-pihak di dalam perbicaraan di Mahkamah Kadi. Mahkamah ini berkuasa membicarakan perkara-perkara:

- i) Jenayah - dimana hukumannya diri Ia akan tidak kurang daripada dua puluh lima ringgit (\$25) ataupun penjara.
- ii) Mal (civil) - dimana tuntutananya tidak kurang daripada \$100.00.

Duli Yang Maha Mulia Sultan akan melantik tujuh (7) orang, Mufti adalah diantara yang menjadi ahli panel Jawatankuasa Ulang Bicara itu.²¹ Apabila ada permohonan ulangbicara Yang di Pertua akan memilih tiga (3) orang daripadanya untuk menubuhkan Mahkamah Ulang Bicara Syariah (kalaupun boleh Mufti juga dipilih). Salah seorang daripada ahli itu mestilah seorang hakim atau yang telah berpengalaman dalam jawatan itu (umumnya pada segi undang-undang Islam).

Mahkamah Ulang Bicara berkuasa mengerahkan, membatalkan, mengubah hukuman ataupun membicarakan semula kes-kes jenayah atau mal (civil). Tempoh permohonan ditetapkan empat belas hari (14) dari tarikh jatuhnya hukuman atau dua puluh satu (21) hari pada sebab-sebab tertentu atau lebih daripada itu atas sebab-sebab khas oleh mahkamah.

21. Warta Kerajaan Pahang, jilid 24, bil.7, bil. Pemberitahuan 64 (1.4.1971).

Jelas sekarang setiap bahagian Jabatan Agama ini mempunyai fungsi-fungsi tersendiri mentadbirkan undang-undang Islam. Sejauh ini pentadbiran yang dijalankan itu adakalanya tidak sesuai lagi menurut peruntukan Undang-undang Tadbir Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Pahang 1956 itu. Oleh itu fungsi-fungsi yang dijalankan oleh pihak-pihak berkenaan itu masih pada bentuk yang lama dan tidak sesuai untuk orang-orang Islam di zaman sains dan teknologi ini.